

SOALAN NO: 431

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]

SOALAN : Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: Apakah tindakan Kementerian terhadap kekejaman yang dilakukan kepada haiwan seperti kucing.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat dua Akta yang berkaitan dengan kezalimanan atau penganiayaan haiwan ini iaitu Akta Binatang 1953 (Pindaan) 2013 dan Akta Kebajikan Haiwan 2015. Kedua-dua akta ini diwujudkan khusus bagi mengawalselia dan memantau apa-apa aktiviti haiwan bagi tujuan pencegahan penganiayaan terhadap haiwan dan mengambil tindakan perundangan ke atas mana-mana individu yang melakukan penganiayaan terhadap haiwan.

Jika mana-mana orang melakukan sebarang penganiayaan atau kezaliman, mereka yang disabitkan dengan perbuatan ini akan dikenakan tindakan undang-undang menggunakan peruntukan khusus daripada dua Akta ini. Di bawah peruntukan Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015, mana-mana orang yang melakukan penganiayaan terhadap haiwan, apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih dari RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun atau kedua-duanya.

Manakala, di bawah peruntukan Seksyen 44 Akta Binatang 1953 (Pindaan) 2013, mana-mana orang yang melakukan kezaliman terhadap haiwan, apabila disabitkan, didenda tidak

lebih dari RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak kurang daripada 1 tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu, merujuk kepada kezaliman terhadap kucing, Akta Kebajikan Haiwan 2015 adalah terpakai. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan kezaliman terhadap kucing, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan penalti seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 29 Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Walaupun bagaimanapun, kedua-dua Akta ini bukanlah bertujuan untuk menghukum semata-mata, akan tetapi bagi tujuan untuk mendidik pemunya haiwan peliharaan supaya lebih prihatin terhadap kebajikan haiwan peliharaannya. Orang yang dituduh akan diberi peluang untuk membuat penambahbaikan terlebih dahulu sebelum tindakan punitif iaitu hukuman yang lebih berat dikenakan jika didapati bersalah oleh mahkamah.